

Gaji minimum satu kemestian, kata MP BN
The Malaysian Insider
7 Mac , 2012
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 7 Mac — Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) menegaskan dasar gaji minimum adalah untuk "jangka panjang" tetapi bersetuju dengan prinsip majikan yang mencadangkan agar kadar gaji diperkenalkan secara berperingkat itu akan menekan kos pekerja daripada menutup perniagaan kecil dan sederhana.

Ahli Parlimen dari gabungan pemerintah memberitahu The Malaysian Insider pasaran perlu dibenarkan untuk dibiasakan dengan dasar yang akan diumumkan bulan ini, yang mana sumber berkata pekerja akan mendapat sekurang-kurangnya RM800 di Sabah dan Sarawak dan RM900 di Semenanjung Malaysia.

"Gaji minimum untuk jangka panjang dan kita perlu buat sesuatu sekarang. Kita perlu mulakan, mungkin kita dapat atasi kelemahan perlahan-lahan," kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah.

Teman sejawat beliau, Datuk Tajuddin Abdullah Rahman juga berkata kerajaan perlu "adil dan beri ruang kepada majikan untuk menyesuaikan keadaan tetapi ia perlu situasi menang-menang."

"Apabila terdapat banyak pendapatan lain, wang itu akan di kembalikan melalui perniagaan," kata Ahli Parlimen Pasir Salak ini.

Badan pekerja seperti Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan SMI Association of Malaysia awal minggu ini mengingatkan bahawa kira-kira 80 peratus syarikat yang mengambil empat juta pekerja bakal berdepan risiko di bawah dasar gaji minimum itu.

Sebanyak 16 persatuan dari sektor pembuatan telah mengadakan sidang media semalam meminta kerajaan memberi masa dan bantuan dalam meningkatkan produktiviti kerana margin keuntungan hanya antara tiga dan lima peratus walaupun dibayar gaji serendah RM600 setiap bulan.

Tetapi Saifuddin berkata kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi, telah bekerja keras untuk meningkatkan keupayaan pekerjaan.

Naib Presiden Kelab Penyokong Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata "kita perlu melaksanakan dasar ini secepat mungkin walaupun ada pendapatan yang tidak dapat dipertahankan."

Kementerian Sumber Manusia berkata satu pertiga daripada jumlah pekerja kini berada di bawah garis kemiskinan.

Menurut Abdul Rahman, kerajaan boleh memperkenalkan dasar ini secara berperingkat, "pembangkok akan mula membantah."

"Kita kena fikirkan bagaimana untuk melaksanakan dasar ini tanpa bermain politik dan bercakap tentang RM1,500 gaji minimum hanya untuk menjadi popular," kata Ahli Parlimen Kota Belud ini.

Beliau mengatakan kerajaan negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah mengumumkan gaji permulaan sebanyak RM1,500 untuk syarikat milik kerajaan negeri, namun sektor swasta tidak terlibat.

The Malaysian Insider pada hujung minggu lalu melaporkan Kabinet telah menetapkan kadar gaji minimum di bawah RM1,000, dengan perbezaan RM100 antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak, jauh dengan kadar yang dituntut kesatuan-kesatuan sekerja.

Ia menyebabkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), badan yang mewakili 800,000 pekerja dari 390 kesatuan sekerja mendesak gaji minimum sebanyak RM900.

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pula meminta agar dasar gaji minimum dipertimbangkan semula, mengingatkan Malaysia boleh menjadi muflis jika ia dilaksanakan sekarang seperti yang berlaku di negara Barat.

Beliau yang masih berpengaruh walaupun telah bersara pada 2003 menegaskan kerajaan persekutuan mahu melaksanakan dasar gaji minimum tanpa mengambil kira cuti umum termasuk cuti hujung minggu dan cuti perayaan yang akan mendatangkan risiko kepada ekonomi negara.

"Peningkatan pendapatan perlu meningkatkan kos pengeluaran melainkan ia meningkat selari dengan produktiviti," katanya dalam tulisan dalam blognya.

Walaupun terdapat perjanjian berhubung gaji minimum negara, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam juga menyokong kebimbangan Dr Mahathir tentang impak dasar ke atas produktiviti negara.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyebut keputusan untuk melaksanakan dasar gaji minimum telah dikaji dengan teliti dan menegaskan "perkara penting adalah untuk meningkatkan produktiviti supaya kita sebaris dengan negara-negara maju lain."

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gaji-minimum-satu-kemestian-kata-mp-bn/>